

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JTP 401 – ETIKA PERNIAGAAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

1. Mungkinkah Malaysia, menjelang 2020, menjadi sebuah negara yang bebas dari tembakau (“a Smoke Free Nation”) sama sepertimana sebuah negara lain di Asia? Bincangkan persoalan ini dengan mengambilkira kepincangan-kepincangan dalam strategi pemasaran yang diamalkan oleh syarikat-syarikat tembakau, berlandaskan kes-kes kajian berikut:
 - (a) Video “Business Ethics from ABC News” berjudul “Phillip Morris Charity Donations”

(50 markah)

dan
 - (b) KEP 6 “Tak Nak! Gelagat Syarikat-Syarikat Tembakau” dalam Modul 3 **atau** Kes 8 “Tobacco Under Fire: Advertising a Harmful Product” dalam Ferrell, Fraedrich and Ferrell (2002)

(50 markah)

2. Sektor Korporat, pada zahirnya, adalah komited untuk mengamalkan prinsip-prinsip perniagaan secara beretika selaras dengan ketetapan Persidangan Meja Bundar Caux (rujuk Ferrell, Fraedrich and Ferrell, 2002). Syarikat-syarikat konglomerat biasanya, bukan sahaja menggubal suatu kod etika yang komprehensif malah melaksanakan berbagai program filantropik bagi memenuhi tanggungjawab sosialnya. Namun, dalam operasi sebenar perniagaan, kerap kali terjadi kes “Niat Tak Sama Dengan Amalan” atau “Cakap Tak Serupa Bikin”. Biasanya kepentingan mengaut keuntungan oleh pemegang saham mengatasi segala apa yang tercatat dalam kod etika mereka. Dibalikinya, bagi pihak pengurus dan eksekutif syarikat, sememangnya sukar untuk mengamalkan etika perniagaan. Bincangkan kenyataan di atas berlandaskan kes-kes kajian berikut:
 - (a) Kes KEP 1 Petronas yang terdapat dalam Modul 3

(100 markah)

atau
 - (b) Kes 13 “Microsoft and the U.S. Government” dalam Ferrell, Fraedrich and Ferrell, 2002 **dan** Video “Business Ethics from ABC News” berjudul “Give Me A Break/Microsoft”.

(100 markah)

3. Etika adalah ibarat bayang-bayang. Tiada organisasi perniagaan yang bebas daripadanya. Malah lebih berjaya sesebuah organisasi itu, lebih banyak keberangkalan pelanggaran etika. Lebih-lebih lagi bagi organisasi yang baru usianya, baik firma yang kecil mahupun firma yang besar saiznya. Apabila dilihat dengan lebih kritikal, begitu banyak isu-isu etika yang berbangkit. Bincangkan kenyataan ini berlandaskan kes-kes berikut:

- (a) Syarikat besar seperti AirAsia Berhad, rujuk KEP 2 Air Asia dalam Modul 3, khususnya persoalan adakah salah untuk meniru strategi orang lain (*Is It Wrong to Copy-Cat?*)

(50 markah)

dan

- (b) Syarikat kecil seperti Pasaraya Borong Mydin Sdn. Bhd., rujuk KEP 7 dalam Modul 3, khususnya persoalan tentang kesedaran mengenai pentingnya elemen etika dalam pengurusan perniagaan bagi enterprais yang sebegini yang sememangnya masih di tahap yang rendah.

(50 markah)

4. Kapitalisme boleh menunjukkan wajahnya yang hodoh (*The Ugly Faces of Capitalism*) dalam dunia perniagaan yang bersaing hebat, terutamanya apabila prinsip utama perniagaan adalah menghasilkan keuntungan yang maksimum. Bincangkan kenyataan ini berlandaskan kes-kes kajian berikut:

- (a) Video-video dalam "Business Ethics, from ABC News" berjudul "Credit Discrimination" **dan** "Buying a House the Islamic Way"

(50 markah)

dan

- (b) Kes 9 dalam Ferrell, Fraedrich and Ferrell, 2002 berjudul "Ben & Jerry Homemade: Social Responsibility and Growth".

(50 markah)